



## **BAB DUA**

## BAB DUA: SISTEM PUNGUTAN DAN PENGAGIHAN ZAKAT

### FITRAH MENURUT FIQH

#### 2.1 Pendahuluan

Bab ini memberi penjelasan tentang bagaimana satu sistem atau kaedah pungutan, pengeluaran dan pengagihan zakat fitrah digubal oleh ‘ulamā’ terdahulu berdasarkan dalil-dalil dari *al-Qur’ān* dan *al-Sunnah*. Antara kaedah-kaedah pungutan, pengeluaran dan pengagihan adalah meliputi huraian jenis-jenis makanan yang dikeluarkan, kadar yang wajib dikeluarkan, waktu pengeluaran dan golongan sasaran iaitu *asnāf* yang lapan. Turut disertakan beberapa pandangan ‘ulamā’ di dalam menghuraikan permasalahan berhubung kaedah pungutan, pengagihan dan juga golongan-golongan yang sepatutnya menerima zakat fitrah mengikut keutamaan.

#### 2.2 Pungutan / pengeluaran<sup>1</sup> zakat fitrah

##### 2.2.1 Jenis-jenis makanan yang dikeluarkan untuk zakat fitrah

*Hadīth* yang berkaitan dengan kewajipan mengeluarkan makanan tertentu untuk zakat fitrah seperti *hadīth Ibn ‘Umar* yang telah diriwayatkan oleh *Jamā‘ah* dari *Abū Sa‘īd al-Khudrī*<sup>2</sup>:

حَدَّثَنَا عَبْدُ اللَّهِ بْنُ يُوسُفَ أَخْبَرَنَا مَالِكٌ عَنْ زَيْدِ بْنِ أَسْلَمْ عَنْ عِيَاضِ  
بْنِ عَبْدِ اللَّهِ بْنِ سَعْدِ بْنِ أَبِي سَرْحٍ الْعَامِرِيِّ أَنَّهُ سَمِعَ أَبَا سَعِيدَ الْخُدْرِيَّ رَضِيَ اللَّهُ  
عَنْهُ يَقُولُ ثُمَّ كَتَأْخُرُجُ زَكَةَ الْفُطُرِ صَاعًا مِنْ طَعَامٍ أَوْ صَاعًا مِنْ شَعِيرٍ أَوْ

صاعا من ثمر أو صاعا من أقط أو صاعا من زبيب

Yang bermaksud :

*"Adalah kami (para sahabat) telah mengeluarkan zakat fitrah pada masa Rasulullah s.a.w masih ada berserta kami satu gantang makanan atau satu gantang kurma atau satu gantang sya'ir atau satu gantang aqiq<sup>3</sup> atau satu gantang zabīb<sup>4</sup>.*

*Hadīth* ini dengan jelas mengatakan bahawa zakat fitrah dikeluarkan dengan lima jenis makanan yang disebutkan di atas iaitu gandum, kurma, anggur kering, susu beku dan *sya'ir*. Tidak boleh mengeluarkan zakat fitrah selain lima jenis ini menurut setengah *'ulamā'*.

Pembayaran zakat diberi kelonggaran untuk mengeluarkan salah satu dari lima jenis tersebut sesuai dengan teks *hadīth* yang mengatakannya. Demikian pendapat *Imam Ahmad* dan *Ibn Hanbal*. *Imam Mālik* pula berpendapat bahawa yang wajib dikeluarkan sebagai fitrah ialah makanan utama sepanjang tahun. Oleh sebab itu *'ulamā'* Mazhab *Mālikī* meluaskan jenis yang dikeluarkan untuk fitrah kepada sembilan jenis iaitu gandum, *sya'ir*, *sult*<sup>5</sup>, jagung, *dukhn*<sup>6</sup>, beras, kurma, anggur kering dan *aqiq*

*'Ulamā'* Mazhab *Hamafī* membolehkan pengeluaran zakat fitrah dengan gandum, *sya'ir* dan *sult* selain kurma dan anggur kering. Tidak boleh ditunaikan dengan jenis yang lain kecuali dengan harganya. Mereka membataskan kepada lima jenis ini sesuai dengan apa yang dikatakan oleh *Ibn Umar* "orang-orang yang mengeluarkan zakat fitrah pada zaman Nabi s.a.w satu gantang *sya'ir* atau kurma atau *sult* atau anggur kering" dan pada zaman *'Umar* setelah banyak gandum dihasilkan maka dijadikan dua

gantang gandum menggantikan satu gantang dari jenis-jenis yang lain.<sup>7</sup>

Menurut Mazhab *Syāfi'i*, sebagaimana yang dikemukakan dalam kitab *al-Wasiṭ* (الواسيط) bahawa yang dimaksudkan di sini ialah makanan asasi penduduk pada waktu wajib zakat fitrah dan bukannya sepanjang tahun. Menurut mereka biji-bijian dan buah-buahan yang wajib dikeluarkan zakatnya ialah 1/10 iaitu makanan asasi pada waktu biasa dan bukannya waktu darurat.<sup>8</sup>

## 2.2.2 Kadar yang wajib dikeluarkan zakat

Dua *hadīth* yang telah dinyatakan sebelum ini menunjukkan bahawa kadar wajib zakat fitrah itu adalah satu gantang makanan bagi setiap orang. *Imam al-Dahlawī* berkata “*Sesungguhnya ukuran bagi satu gantang makanan ini boleh mengenyangkan satu keluarga dan boleh dianggap cukup bagi orang yang fakir.*” Satu gantang selain gandum dan kurma adalah wajib berdasarkan *ijmā' 'ulamā'*. Selain dari dua jenis ini, tetap wajib satu gantang mengikut *Imam Mālik*, *Syāfi'i* dan *Aḥmad*.<sup>9</sup>

Menurut Mazhab *Hanafi* pula kadar zakat fitrah ialah  $\frac{1}{2}$  gantang gandum (*sya'īr*) atau tepungnya iaitu lebih kurang 2 kilogram atau satu gantang *sya'īr* dan satu gantang kurma iaitu 4 kilogram.<sup>10</sup>

Berdasarkan realiti yang berlaku di Malaysia, kebanyakkan

daripada masyarakat kita berpegang pada Mazhab *Syāfi'i* iaitu zakat fitrah itu diwajibkan sebanyak satu gantang Baghdad beras untuk setiap orang atau lebih kurang 3.5 liter atau dua cupak Malaysia jika sekiranya makanan itu tidak berkulit seperti kurma, gandum, beras dan lain-lain. Jika makanan itu masih berkulit umpamanya padi maka hendaklah dikira berapa peratus kulitnya dari beras yang bersih. Kalau kulit itu sama banyak dengan beras yang bersih maka hendaklah dikeluarkan sebanyak dua gantang atau tujuh liter.<sup>11</sup>

a. Mazhab yang berpegang dengan satu *ṣā'c*

Kebanyakkannya 'ulamā' berpegang kepada satu *ṣā'c* sama ada satu *ṣā'c* gandum, *sya'īr*, tamar atau *zabīb* dan lain-lain yang menjadi makanan asasi bagi penduduk sesebuah negara.<sup>12</sup> Ukuran yang digunakan sekarang adalah satu gantang Baghdad iaitu sama dengan tiga cupak Malaysia.<sup>13</sup> Mereka berpegang kepada *hadīth* yang diriwayatkan oleh *Ibn 'Umar* iaitu:<sup>14</sup>

أَخْرَنَا عُمَرُ بْنُ مُحَمَّدٍ الْهَمْدَانِيُّ قَالَ حَدَّثَنَا يَحْيَى بْنُ مُحَمَّدٍ بْنُ الْمَوْطَأْ قَالَ  
حَدَّثَنَا مُحَمَّدُ بْنُ جَهْضُومَ قَالَ حَدَّثَنَا إِسْمَاعِيلُ بْنُ جَعْفَرٍ عَنْ عُمَرِ بْنِ نَافِعٍ  
بْنِ عُمَرَ قَالَ ثُمَّ فَرَضَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ عَنْ أَيِّهِ عَنْ  
زَكَاةِ الْفَطْرِ صَاعًا مِنْ تَمْرٍ أَوْ صَاعًا مِنْ شَعِيرٍ عَلَى الْخَرْ وَالْعَبْدِ وَالْذَّكَرِ  
وَالْأُنْثَى مِنَ الْمُسْلِمِينَ

Yang bermaksud :

"Sesungguhnya Rasulullah s.a.w telah mewajibkan zakat fitrah pada bulan Ramaḍān satu *ṣā'c* kurma atau satu *ṣā'c* gandum ke atas orang yang merdeka, hamba, laki-laki

*dan perempuan di kalangan orang-orang Islam."*

Kadar satu  $\text{ṣā'}$  gandum yang ditetapkan di dalam *ḥadīth* di atas adalah kerana pada kadar itu ianya boleh mengenyangkan sebuah keluarga dan ianya sudah cukup untuk keperluan fakir dan miskin. Menurutnya lagi, kadar satu  $\text{ṣā'}$  turut dikenakan kepada selain gandum dan kurma sebagaimana pendapat Imam yang tiga.<sup>15</sup>

b. Mazhab yang berpegang dengan  $\frac{1}{2} \text{ṣā'}$

Mazhab yang berpegang dengan  $\frac{1}{2} \text{ṣā'}$  ialah Mazhab *Ḥanafī* dan disokong oleh Mazhab *Zaid b. Ḥāfiẓ* dan *Imām Yahyā*. Antara alasan mereka berpendapat sedemikian ialah berdasarkan *ḥadīth* di bawah :

1. *Hadīth* riwayat *Abū Dāud* dari *Tha'*labah b. *‘Abd Allāh* b. *Su'*air, sabda Rasulullah s.a.w :<sup>16</sup>

حدثنا مسدد وسلیمان بن داود العتکی قالا ثنا حماد بن زید عن العمآن بن راشد عن الزہری قال مسدد عن ثعلبة بن عبد الله بن أبي صعیر عن أبيه وقال سلیمان بن داود عبد الله بن ثعلبة أو ثعلبة بن عبد الله بن أبي صعیر عن أبيه قال قال رسول الله صلى الله عليه وسلم ثم صاع من بر أو قمح على كل اثنين صغير أو كبير حر أو عبد ذكر أو أنثى

Ertinya :

"*Sedekah fitrah itu adalah satu šā' gandum atau bijan gandum untuk setiap dua orang kanak-kanak atau dewasa merdeka atau hamba dari kalangan lelaki dan wanita.*

2. *Hadīth* riwayat *Abū Dāud* dan *Nasā'i* dari *Hassan* dengan *hadīth mursal* :<sup>17</sup>

أَن هذِه الزَّكَاة فِرْضٌ هُرَبَّ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ عَلَى كُلِّ ذَكَرٍ  
وَأَنَّى حِرْ وَمِلُوكَ صَاعًا مِنْ شَعِيرٍ أَوْ تَمْرًا أَوْ نَصْفِ صَاعٍ مِنْ قَمْحٍ

Ertinya :

"Sesungguhnya Rasulullah s.a.w telah mewajibkan zakat fitrah ini ke atas setiap laki-laki dan wanita yang merdeka dan yang dimiliki sebanyak satu šā' sya'ir atau satu šā' kurma ataupun  $\frac{1}{2}$  gandum."

- c. Mengeluarkan fitrah lebih satu šā'

Menurut Mazhab *Mālikī*, mengeluarkan zakat fitrah dengan kadar lebih satu šā' adalah makruh hukumnya. Alasannya ialah melebihkan daripada jumlah yang telah ditetapkan adalah *bid'ah*.<sup>18</sup>

Walau bagaimanapun *Al-Qaraḍāwī* bercanggah pendapat dan beliau tidak bersetuju dengan pandangan dari Mazhab *Mālikī*. Menurut beliau adanya tambahan pada kadar zakat fitrah tidak membawa kepada dosa, malah ianya merupakan sifat yang terpuji dan patut digalakkan sebagaimana firman Allah *Ta'āla* :<sup>19</sup>

فَمَنْ نَطَّعَ خَيْرًا فَهُوَ خَيْرٌ لَّهُ

Maksudnya:

*“Barangsiapa yang dengan kerelaan hati mengerjakan kebajikan, maka itu yang lebih baik baginya.”*

Sebagai kesimpulan, walaupun para ‘ulamā’ khilāf di dalam menentukan zakat fitrah ini, persoalan ini bukanlah menjadi masalah besar kerana mereka mempunyai alasan dan hujah tersendiri yang mereka yakini. Adalah lebih selamat mengeluarkan satu *ṣād* sebagai berhati-hati dalam segala keadaan dan sebagai jalan keluar daripada perbezaan pendapat.

#### 2.2.3 Masalah membayar zakat dengan nilai makanan

Berdasarkan dengan *hadīth* yang berkaitan dengan zakat fitrah, ianya wajib dikeluarkan dari jenis makanan utama penduduk sesebuah negeri. Oleh itu, tidak harus mengeluarkan wang sebagai ganti makanan. Ini merupakan pendapat *Imām Syāfi‘ī*, *Imām Mālik* dan *Ibn Hazm*.<sup>20</sup> Walau bagaimanapun, terdapat kekecualiannya daripada pandangan ini iaitu jika wujud darurat atau diperintahkan oleh pihak berkuasa, maka diharuskan membayar wang sebagai ganti makanan. Masalah ini diuraikan dalam kitab *Al-Majmū‘ Syarḥ al-Muhadhdhab* seperti berikut<sup>21</sup> :

- a. Membayar fitrah dengan wang adalah tidak sah mengikut Mazhab *Syāfi‘ī* jika diniatkan wang menjadi fitrahnya seperti niatnya “Ini wang untuk fitrah yang wajib atasku bagi diriku dan orang-orang di bawah tanggunganku”. Tetapi harus digantikan dengan wang dan hendaklah diniatkan seperti “Ini

wang sebagai ganti beras, fitrah yang wajib ke atasku, bagi diriku dan bagi orang-orang di bawah tanggunganku pada tahun ini.”

- b. Berfitrah dengan wang sebagai ganti beras adalah harus bagi Mazhab *Syāfi'i* tetapi lebih *afdal* dengan makanan dan sebab yang mengharuskannya ialah :
  - i. kerana darurat
  - ii. kerana diperintahkan oleh raja (pemerintah)
- c. Pemerintah menghukumkan berfitrah dengan wang itu adalah kerana beberapa sebab. Antaranya :<sup>22</sup>
  - i. *Aṣnāf* yang lapan terutama fakir miskin lebih suka menerima wang daripada beras kerana wang lebih menerima hajatnya.
  - ii. Menyimpan wang lebih selamat, sedangkan beras selain daripada menyusahkan pihak pemungut untuk mengangkatnya, ia juga akan rosak dalam jangka masa tertentu.

Dalam persoalan lain yang sama juga *Imām Abū Thaur*, *Imām Abū Hanīfah* dan sahabatnya iaitu *Abū Yūsuf* dan *Muhammad bin Ḥassan*

berpendapat bahawa mengeluarkan harga makanan sebagai fitrah dibolehkan. Hal ini diriwayatkan pula oleh *‘Umar* *‘Abd al-‘Azīz* dan *Hassan al-Baṣrī*.<sup>23</sup> Berkennaan dengan persoalan mengeluarkan harga atau nilai sebagai fitrah, *‘ulamā’* dari mazhab tersebut telah mengemukakan pendapat-pendapat berikut :

1. Yang dimaksudkan dengan menyerahkan harga adalah harga gandum, *sya‘īr* atau kurma. Ia boleh keluarkan mana-mana yang ia kehendaki dari tiga jenis tersebut, menurut *Abū Ḥanīfah* dan *Abū Yūsuf*. Pendapat yang terpilih ialah menyerahkan harga satu gantang makanan utama dari jenis yang pertengahan.
2. Tidak boleh mengeluarkan harga dari makanan yang ada nasnya atau dicampur atau satu jenis dengan jenis yang lain, berdasarkan harganya. Contohnya seseorang mengeluarkan fitrah sebanyak  $\frac{1}{2}$  gantang gandum yang bermutu dengan  $\frac{1}{2}$  gantang gandum biasa.
3. Golongan *Ḥanafī* berbeza pendapat tentang yang manakah lebih utama mengeluarkan harga atau mengeluarkan makanan yang sudah ada nasnya. Menurut sebahagian mereka, mengeluarkan gandum pada semua keadaan adalah lebih utama sama ada pada waktu darurat atau tidak kerana hal ini sesuai dengan *al-sunnah*. Sebahagian lagi memperincikannya iaitu jika zamannya adalah waktu darurat dan sukar mencari makanan, maka dalam keadaan ini adalah lebih *afdal* mengeluarkan makanan utama kerana boleh menolong fakir.<sup>24</sup>

Kesimpulan yang boleh penulis buat di sini ialah melihat kegunaan zakat fitrah itu bagi kebajikan golongan sasar iaitu orang-orang fakir dan miskin agar mereka tidak meminta-minta atau menghadapi kesukaran dan keperitan hidup di hari raya. Penulis berpendapat tidak ada halangannya mengeluarkan fitrah itu dalam bentuk wang sebab wang lebih memenuhi keperluan mereka dari segi makanan, pakaian dan sebagainya. Ini amat bersesuaian dalam sebuah *hadith* yang diriwayatkan oleh *Ibn ‘Umar* melalui *Ma‘syar dan Nāfi‘*, sabda Rasulullah s.a.w.<sup>25</sup>

حديث أن النبي صلى الله عليه وسلم كان يخرج صدقة الفطر قبل أن يخرج الحاكم في علوم الحديث من طريق أبي معاشر عن نافع عن ابن عمر بقوله وفيه وكان يأمرنا أن نخرجها قبل الصلاة وكان يقسمها قبل أن ينصرف ويقول أغنوهم عن الطواف في هذا اليوم

Yang bermaksud :

Dari *Ibn ‘Umar* r.a katanya : *Nabi s.a.w telah menyuruh kami mengeluarkannya (zakat fitrah) sebelum solat dan membahagikannya sebelum beredar dan baginda bersabda “Cukupkanlah keperluan mereka (fakir miskin) supaya jangan mereka meminta-minta pada hari itu (hari raya)”*

## 2.3 Waktu mengeluarkan zakat fitrah

Di dalam menentukan waktu, sebahagian *‘ulamā’* *fiqh* berpendapat bahawa untuk membayar zakat fitrah itu ada lima waktunya iaitu waktu harus, waktu wajib, waktu *afḍal*, waktu makruh dan waktu haram.<sup>26</sup> Waktu harus ialah bermula dari awal bulan *Ramadan*, waktu wajib ialah apabila matahari telah terbenam, waktu *afḍal* ialah sebelum manusia keluar untuk mengerjakan

waktu *afdal* ialah sebelum manusia keluar untuk mengerjakan sembahyang Hari Raya dan waktu haram pula ialah sesudah selesai hari raya pertama tanpa keuzuran.

Dalam menentukan waktu wajib, para *'ulamā'* berbeza pendapat tentangnya. *Imām Syāfi'ī*, *Aḥmad*, *Ishāq* dan *Imām Mālik* dalam suatu riwayatnya mengatakan zakat fitrah itu wajib dengan sebab terbenamnya matahari pada akhir bulan *Ramadān*. Tetapi *Imām Abū Ḥanīfah* dan para sahabatnya, *Laith*, *Abū Thaur* dan *Imām Mālik* dalam satu riwayat berpendapat bahawa zakat fitrah itu wajib dengan sebab terbitnya fajar hari raya kerana fitrah itu adalah ibadat yang berhubungan dengan hari raya.<sup>27</sup> Perselisihan pendapat ini berdasarkan kepada pemahaman mereka terhadap *hadīth* yang diriwayatkan oleh *Abū Dāud* dan *Ibn 'Abbās*.<sup>28</sup>

عَنْ بْنِ عَبَّاسٍ قَالَ ثُمَّ فَرِضَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ زَكَاةَ الْفِطْرِ طَهْرَةً لِلنِّصَافِ مِنَ الْلَّغْوِ وَالرُّفْثِ وَطَعْمَةً لِلْمُسَاكِينِ مِنْ أَدَاءِهَا قَبْلَ الصَّلَاةِ فَهِيَ زَكَاةً مَقْبُولَةً وَمِنْ أَدَاءِهَا بَعْدَ الصَّلَاةِ فَهِيَ صَدَقَةً مِنَ الصَّدَقَاتِ

Yang bermaksud :

"Dari Ibn 'Abbās katanya : Rasulullah s.a.w telah mewajibkan zakat fitrah sebagai pembersih orang-orang yang berpuasa dari segala perkataan keji dan sia-sia dan juga untuk memberi makan kepada orang-orang miskin. Sesiapa yang menunaikannya sebelum sembahyang (hari raya)maka ianya zakat yang diterima, dan sesiapa yang menunaikannya selepas sembahyang (hari raya) maka ia menjadi suatu sedekah."

Berdasarkan *hadīth* di atas nyatalah kepada kita bahawa zakat fitrah yang sah dan diterima ialah yang dikeluarkan sebelum sembahyang hari raya. Namun begitu sebahagian *'ulamā'* menetapkan bahawa, pengeluaran zakat fitrah sebelum

sembahyang hari raya adalah disunatkan dan bukannya wajib. Ini merupakan pendapat mazhab *Hanafi*, *Mālikī* dan *Hanbali*<sup>29</sup> dan tidak berdosa melambatkannya sehingga sesudah sembahyang. Tetapi mereka akan berdosa sekiranya melambatkan membayar zakat fitrah selepas hari raya pertama melainkan jika ada keuzuran seperti menantikan keluarga yang paling dekat untuk menerima fitrah.<sup>30</sup> *Ibn Ruslan* pula menyatakan bahawa ‘*ulamā*’ telah bersepakat mengatakan haram jika mengeluarkan zakat fitrah sehingga selepas hari raya kerana ia merupakan zakat wajib. Dalam kitab *al-Mughnī* pula dinyatakan jika melambatkan pengeluaran zakat fitrah selepas hari raya, maka ia adalah berdosa dan wajib *qada*.<sup>31</sup>

Dalam permasalahan ini, penulis berpendapat adalah lebih baik dikeluarkan zakat fitrah semenjak mula puasa lagi kepada badan pengurusan zakat. Ini adalah untuk memudahkan pihak pengurusan Baitulmal mengagihkan hasil zakat tersebut kepada fakir dan miskin. Tetapi jika seseorang itu terlewat membuat bayaran, umpamanya sehari atau dua hari sebelum hari raya, adalah lebih baik beliau membayar terus kepada fakir miskin tanpa melalui amil untuk menggelakkan kelewatan pengagihan zakat tersebut.

### 2.3.1 Pendapat ‘*ulamā*’ tentang penyegeeraan bayaran zakat fitrah sebelum pagi hari raya.

Dalam persoalan mendahului atau menyegearkan bayaran zakat fitrah ini, terdapat beberapa pandangan ‘*ulamā*’ mengenainya. Ada yang membenarkannya dan juga sebaliknya. Mazhab *Ibn Hazm* dalam persoalan

ini mengambil sikap untuk tidak membenarkan pengeluaran fitrah sebelum terbit fajar hari raya sama ada sehari atau lebih.<sup>32</sup> Pendapat ini bercanggah dengan keterangan para sahabat yang membenarkannya sepertimana yang diriwayatkan oleh *Bukhārī* dari *Ibn ‘Umar* katanya, sabda Rasulullah<sup>33</sup>:

وكانوا يعطون قبل الفطر بيوم أو يومين

Yang bermaksud :

“Mereka (para sahabat) mengeluarkan zakat fitrah satu hari atau dua hari sebelum Aidil Fitri.”

*Imām Aḥmad* berpendapat boleh menyegerakan bayaran zakat fitrah tetapi tidak boleh lebih dari satu hari atau dua hari. Sebahagian pengikutnya membolehkan penyegeraan pembayaran fitrah sehingga tiga hari lebih awal.<sup>34</sup>

Dalam permasalahan ini, *Imām Syāfi‘ī* berpendapat harus dikeluarkan fitrah sejak dari permulaan bulan *Ramadān*. Sementara *Abū Hanifah* pula berpendapat boleh dipercepatkan pembayaran zakat fitrah dari awal tahun kerana ia menyerupai zakat harta.<sup>35</sup>

Dalam permasalahan ini, kita dapat bahawa pendapat *Imām Mālik* dan *Imām Ahmad* adalah lebih berhati-hati dan lebih mendekati kehendak daripada zakat tersebut iaitu untuk memberi kegembiraan kepada orang-orang miskin. Hal ini adalah bersesuaian dengan amalan para sahabat sebagaimana *hadīth* yang diriwayatkan oleh *Bukhārī*.<sup>36</sup> Walau bagaimanapun, pendapat *Imām Syāfi‘ī* dan *Abū Hanifah* adalah lebih

praktikal berdasarkan suasana semasa di Malaysia yang mengkehendaki pungutan diawalkan untuk tujuan mempercepatkan agihan.

Bentuk pengeluaran zakat fitrah boleh dilakukan dengan dua cara berikut :

- (1) Pengeluaran secara langsung kepada fakir miskin.
- (2) Pengeluaran kepada badan pentadbir zakat.

Jika penggunaan yang dilakukan oleh para sahabat bersifat umum iaitu termasuk di dalamnya pengeluaran secara langsung kepada fakir miskin dan termasuk juga pengeluaran kepada badan pentadbiran zakat, nyatalah kita boleh mendahulukan pembayarannya dua hari sebelum hari raya. Penulis berpendapat bahawa pengeluaran oleh sahabat seperti yang disebutkan oleh *Ibn ‘Umar* di dalam *hadīth* yang lalu adalah pengeluaran kepada badan pengurus seperti mana yang dilakukan oleh *Ibn ‘Umar* sendiri kerana nabi tidak pernah memberi zakat fitrah kepada fakir miskin sebelum fajar hari raya. Ianya juga sesuai dengan *hadīth* yang diriwayatkan oleh *al-Jauzāni*.<sup>37</sup>

أَنَّ النَّبِيَّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ كَانَ يَخْرُجُ صَدَقَةَ الْفَطَرِ قَبْلَ أَنْ يَخْرُجَ الْحَاكِمُ فِي عِلُومِ الْحَدِيثِ مِنْ طَرِيقٍ أَيْ مَعْشَرٍ عَنْ نَافِعٍ عَنْ أَبِنِ عَمْرٍ بَطْوَلٍ وَفِيهِ وَكَانَ يَأْمُرُنَا أَنْ نَخْرُجَهَا قَبْلَ الصَّلَاةِ وَكَانَ يَقْسِمُهَا قَبْلَ أَنْ يَنْصُرِفَ وَيَقُولَ أَغْنَوْهُمْ عَنِ الطَّوَافِ فِي هَذَا الْيَوْمِ

Yang bermaksud :

*“Adalah Rasulullah s.a.w menyuruh mengeluarkan zakat fitrah lalu membahagi-bahaginya pada hari raya seraya Baginda bersabda : Perkayakanlah (cukupkanlah) keperluan mereka dari meminta-minta pada hari ini.”*

Kesimpulan yang boleh dibuat ialah jika kita mengeluarkan zakat fitrah secara langsung kepada yang berhak, maka sudah semestinya kita memberikan zakat tersebut pada pagi hari raya. Ini adalah kerana, jika kita memberikannya selepas hari raya maka sudah tentu mereka tidak akan berkemampuan untuk menyambut hari raya. Sebaliknya kita boleh mendahulukan sehari atau dua hari atau lebih daripada itu sebagaimana yang dilakukan oleh *Syāfi'i* dan *Imām-imām* selainnya.

#### 2.4 Pengagihan zakat fitrah

Konsep asas tentang pengagihan zakat dan juga zakat fitrah dapat difahami secara jelas dari firman Allāh *ta'ālā*.<sup>38</sup>

إِنَّمَا الصَّدَقَاتُ لِلْفُقَرَاءِ وَالْمَسَاكِينِ وَالْعَامِلِينَ عَلَيْهَا وَالْمُؤْلَفَةُ قُلُوبُهُمْ وَفِي الرِّقَابِ  
وَالْغَارِمِينَ وَفِي سَبِيلِ اللَّهِ وَأَبْنِ السَّبِيلِ فَرِيضَةٌ مِّنْ اللَّهِ وَاللَّهُ عَلَيْهِ حَكِيمٌ (٦٠)

Yang bermaksud :

"Sesungguhnya sedekah-sedekah (zakat) itu hanyalah untuk orang-orang fakir, orang-orang miskin, pengurus-pengurus zakat, para mu'allaf yang dipujuk hati mereka (untuk memeluk Islam), untuk hamba-hamba yang hendak memerdekan dirinya, orang yang berhutang, untuk (dibelanjakan pada) jalan Allāh dan orang-orang musafir (yang keputusan) sedang dalam perjalanan sebagai suatu ketetapan yang diwajibkan oleh Allāh dan Allāh Maha Mengetahui lagi Maha Bijaksana"

Sementara dalam surah al-Baqarah ayat 177 pula tidaklah merujuk khas kepada mereka yang berhak menerima dana zakat tetapi ayat tersebut dicantumkan sekali dengan isu yang berhubung dengan persoalan keimanan. Kebanyakkan 'ulamā' tidak menjadikan ayat ini sebagai dalil khusus untuk

menentukan *asnāf* yang berhak menerima zakat, tetapi sekadar untuk memperkuuhkan hujah dalam aspek pengagihan zakat. Selain itu, terdapat juga keterangan yang dibuat oleh Rasulullah s.a.w dalam kes agihan zakat. Baginda telah membahagikan *asnāf* yang berhak menerima dana zakat terdiri daripada lapan golongan yang merujuk kepada apa yang telah dinyatakan oleh Allah s.w.t. Perkara ini dapat dilihat dari sabda Rasulullah yang bermaksud:<sup>39</sup>

*"Sesungguhnya Allah tidak rela dengan ketetapan dari Nabi atau lainnya mengenai zakat ini, hingga diputuskanNya sendiri dan dibaginya atas lapan bahagian. Maka jika anda termasuk dalam salah satu dari lapan asnaf itu tentulah akan saya berikan"*

Dalam membahaskan kelompok yang berhak menerima zakat, terdapat beberapa perbezaan pandangan di kalangan ulama. Menurut al-*Syāfi'i* wajib mengagihkan wang zakat kepada lapan *asnāf* yang telah disenaraikan dalam *al-Qur'an* dan tidak ada pengecualian daripadanya. Walau bagaimanapun, pada al-*Syāfi'i*, beliau lebih cenderung untuk memberi keutamaan kepada *al-āmilin* kerana padanya ia lebih berhak menerima dana zakat dari *asnāf* yang lain, kerana mereka telah bertanggungjawab dalam mengendalikan urusan zakat. Sementara yang lain, ada di antaranya tidak wujud dalam sesebuah kawasan pada sesuatu masa atau hanya sekadar menerima sahaja apa yang telah diusahakan oleh amil. Dari aspek lain menurut pendapat al-*Syāfi'i* pada kebiasaanempat golongan sahaja yang sentiasa ada dalam sesuatu kawasan pada satu-satu masa iaitu fakir, miskin, *ibn sabīl*, dan orang yang berhutang.<sup>40</sup>

Sementara pendapat *imām-imām* lain seperti *Hanafiah* dan *Hanabilah* hukumnya harus mengagihkan dana zakat itu kepada lapan *asnāf* sementara *Mālikiah* hukumnya sunat dana zakat diagihkan kepada lapan *asnāf* tersebut, pada

mereka pengagihan dana zakat sudah sempurna walaupun ianya hanya dibahagikan kepada satu *aṣnāf* sahaja. Sebagai dalil *Imām Mālik* menunjukkan dana zakat memadai hanya dibahagikan kepada golongan fakir sahaja dan tidak kepada *aṣnāf* yang lain seperti mana sabda Rasulullah s.a.w ketika baginda menghantar *Mu‘āz bin Jabal* ke Yaman, Rasulullah s.a.w menyatakan supaya mengambil harta orang kaya dan membahagikannya kepada golongan fakir dengan sabdanya yang bermaksud “*dan jika mereka telah mengkhianati engkau, ketahuilah sesunguhnya Allah telah menfarḍukan zakat atas mereka dan ambillah daripada orang kaya, bahagikanlah ia kepada yang fakir.*”<sup>41</sup> Pendapat ini telah telah dipersetujui oleh *Muhammad Sa‘īd*, baginya walaupun *al-Qur’ān* menyebut lapan golongan tetapi tidak menjadi syarat untuk kita mengikuti apa yang diperkatakan oleh *al-Qur’ān* tersebut kerana tidak sekali-kali kita mengetahui kesemua lapan golongan dalam membuat pengagihan.<sup>42</sup>

Pendapat yang dikemukakan oleh *Ibrāhīm al-Nakhā‘ī* agak sederhana, beliau mengemukakan pandangan jika harta yang dizakatkan itu banyak, maka ianya boleh dibahagikan kepada semua *aṣnāf* dan jika harta itu hanya sedikit tidak memungkinkan untuk diagharkan kepada semua *aṣnāf*, penguasa hendaklah mengkhususkan kepada salah satu golongan yang ada dan amat memerlukan kerana itu menurut pendapat *Imām Mālik* beliau mengatakan “kalau begitu keadaannya petugas yang membahagikan wang zakat hendaklah membuat penyelidikan golongan mana yang amat memerlukannya, maka golongan itulah hendak didahulukan.”<sup>43</sup>

Sementara pendapat *al-Hanafī* lebih cenderung ditujukan kepada

pembayar zakat di mana mereka hendaklah diberi kesempatan memilih untuk memberikan kepada golongan mana sahaja yang dikehendakinya. Pendapat ini disokong oleh *Hassan al-Baṣrī* dan *‘Aṭā’*.<sup>44</sup>

Namun demikian, penulis tidak berhasrat untuk memanjangkan perbahasan tentang polemik ‘*ulamā’* dalam mengkategorikan *asnāf* yang berhak dan tidak berhak menerima dana zakat kerana ia tidak akan dapat menyelesaikan sebarang masalah yang dihadapi oleh umat Islam. Apa yang lebih penting ialah tujuan dana yang diambil daripada mereka yang berkewajipan mengeluarkan zakat dapat dibahagikan mengikut *maslahah āmmah* supaya matlamat pengagihan zakat itu dapat dicapai dan dilaksanakan.

Daripada ayat yang dinyatakan sebelum ini, jelaslah kita dapat fahami bahawa ada lapan golongan yang berhak menerima zakat iaitu :

1. Orang-orang fakir

Fakir ialah orang yang tidak mempunyai harta lagi dan tidak bekerja. Ertinya orang yang tidak dapat memenuhi keperluannya yang sederhana. Kalau orang yang tidak boleh memenuhi kerana kemalasan bekerja padahal ia mempunyai tenaga, tidak dikatakan fakir.<sup>45</sup> Ini berdasarkan kepada *hadīth* Nabi s.a.w :<sup>46</sup>

لَا حَلَلَ الصَّدْقَةُ لِغُنْيٍ

“Tidak halal sedekah (zakat) bagi orang yang kaya (berkemampuan)

Sementara fatwa di negeri Selangor menyatakan fakir ialah mereka yang berpendapatan kurang daripada RM200 sebulan atau RM33 sekepala. Selain dari aspek pendapatan, nilai fakir juga dilihat dari sudut tidak ada harta dan pekerjaan, tua, uzur dan sebatang kara, cacat, tidak berupaya menyara, janda yang hilang tempat bergantung, tidak mampu menanggung keperluan hidup, tinggal menumpang di rumah saudara, setinggan atau di atas tanah kerajaan dan tidak mendapat bantuan yang mencukupi dari mana-mana pihak. Termasuk juga dalam tafsiran fakir adalah mereka yang menanggung keluarga enam orang yang belum bekerja.<sup>47</sup>

## 2. Orang-orang miskin

Miskin ialah orang yang mempunyai tempat tinggal namun tidak boleh memenuhi keperluannya yang sederhana (keperluan pokok). Keperluan pokok ialah seperti makan, minum dan pakaian yang dalam batas sederhana (sekadar boleh memenuhi keperluan hidup). Namun begitu, peniaga yang jatuh miskin kerana tindakannya yang bertentangan dengan Islam seperti berfoya-foya, bersenang-lenang dengan nafsu seks, makan tanpa batas dan perbuatan-perbuatan maksiat yang lain sampai meninggalkan kewajipan ibadah, ia tidak berhak menerima zakat.<sup>48</sup>

Sementara itu di dalam fatwa Selangor, antara ciri-ciri yang disenaraikan termasuklah mereka yang mempunyai pekerjaan atau harta tetapi tidak mencukupi keperluan asasi diri dan tanggungannya, suri rumah yang hilang tempat bergantung seperti mereka yang ditinggalkan suami tanpa cerai, wanita yang sedang menunggu keputusan perceraian di Mahkamah Syariah, suami di penjara, suami hilang upaya bekerja, tinggal menumpang di rumah saudara, tinggal di rumah setinggan atau atas tanah kerajaan dan tidak mendapat bantuan yang mencukupi dari mana pihak.<sup>49</sup>

### 3. Amil (Pengurus Dana)

Amil ialah orang yang bekerja mengumpulkan zakat kemudian membahagikannya kepada yang berhak menerimanya.<sup>50</sup> Amil boleh mengambil zakat, berdasarkan firman Allah yang tersebut dalam *al-Qur'an*. Syarat untuk menjadi amil harus mengetahui masalah-masalah zakat sehingga mengerti bagaimana harus mengumpul dan membahagikannya. Ia harus orang yang jujur sebab tugas itu merupakan amanah. Maka orang yang *fāsiq*, pemabuk mahupun orang-orang yang suka membuat penyelewengan tidak boleh menjadi amil.<sup>51</sup>

### 4. *Riqāb* (Untuk memerdekan hamba)

*Riqāb* ialah orang yang akan membebaskan dirinya. Untuk

membebaskan diri harus menebusnya dengan sejumlah wang (harta) kepada tuannya.<sup>52</sup> Oleh sebab itu, perlu mendapatkan bantuan. Maka ia berhak menerima pembahagian zakat, sebagaimana yang telah disebutkan dalam *al-Qur'an*.

5. *Għarimūn* (Orang yang berhutang)

Orang yang berhutang adakalanya :

1. Untuk kepentingan agama
2. Untuk kepentingan keluarga
3. Untuk memenuhi nafsu

Pada dasarnya, orang yang mempunyai hutang untuk tujuan-tujuan yang baik seperti membangun masjid, madrasah dan juga pemeliharaan keluarga berhak menerima pembahagian zakat. Tetapi kalau hutangnya itu untuk maksiat, keperluan hawa nafsu, tidak boleh diberi zakat dan tidak berhak menerima zakat.<sup>53</sup>

Yang dimaksudkan dengan mempunyai hutang, iaitu barang pinjamannya sudah tidak ada, dan ianya masih menanggung untuk mengembalikannya. Tetapi kalau masih tersedia wang (barang pinjaman itu masih ada), tidak berhak menerima zakat.<sup>54</sup>

Orang yang berhutang dalam tanggungan orang lain, tidak berhak menerima zakat sebab beban pengembalinya sudah ada

yang menanggung.<sup>55</sup>

6. *Fi Sabīlillāh* (Perjuangan pada jalan Allah )

Maksud kalimah *fi sabīlillāh* adalah luas dan bukan hanya terhad kepada perang, jihad dan *ghazwah* sahaja tetapi sebenarnya meliputi semua usaha kebaikan dan kebajikan yang menuju keredaan Allah s.w.t dalam perkara sunat, wajib atau perkara-perkara yang digalakkan oleh Islam dengan menggunakan lisan, tulisan, jiwa raga atau harta, berdasarkan maksud *hadīth* riwayat *Aḥmad, al-Nasā'i, al-Baihāqī, Muslim, Abū Dāud, Ibn Ḥibbān dan al-Hakam*. Ianya dilihat kepada setiap perbuatan yang menjurus kepada keperluan dan maslahah untuk menegakkan *syī'ār* Islam. Ini termasuklah memberi elauan kepada pegawai dan AJK masjid, elauan kepada guru agama dewasa, guru tahnīf, guru agama yang bukan tahnīf, penceramah umum, kursus haji dan kursus penerapan nilai-nilai Islam.<sup>56</sup>

Termasuklah juga bantuan ceramah umum seluruh negara, seminar dakwah, bantuan kepada pertubuhan-pertubuhan Islam seperti persatuan pelajar-pelajar Islam di Institusi Pengajian Tinggi, badan-badan dakwah, badan-badan kebajikan agama dan bantuan kecemerlangan pelajar. Bantuan kepada anak yatim, bantuan program mendekati golongan *mu'allaf*, orang asli, bantuan penyebaran dakwah, imbuhan kepada kepada pendakwah, bantuan kepada masjid, bantuan pembeli peralatan pendidikan Islam, bantuan

pelajaran dalam bentuk dermasiswa melanjutkan pelajaran di dalam dan luar negara.<sup>57</sup>

#### 7. *Mu'allaf*

*Mu'allaf* ialah orang yang mana hatinya lembut dan cenderung untuk berjinak-jinak dengan Islam atau orang yang baru masuk Islam yang belum kuat jiwa keislamannya sebab belum lama menjadi penganut Islam atau orang kafir untuk mencegah kejahatannya kepada orang-orang Islam atau mengharapkan kebaikannya untuk mempertahankan diri atau juga menolong mereka bagi menentang musuh mereka untuk kebaikan Islam.<sup>58</sup> Jadi jelaslah di sini bahawa *mu'allaf* tidak semestinya orang-orang baru memasuk Islam seperti mana kefahaman masyarakat kini tetapi juga untuk orang-orang bukan Islam. Seterusnya *mu'allaf* yang layak menerima zakat menurut *Dr. Yusuf al-Qaradāwī* boleh dibahagikan kepada tujuh bahagian:<sup>59</sup>

1. Orang bukan Islam yang diharapkan akan menerima Islam sebagai agamanya. Mereka diharapkan dapat menerima Islam, begitu juga dengan keluarga dan kelompoknya seperti mana kes pemberian zakat oleh Rasulullah kepada *Šafwān bin Umaiyyah* pada hari pembukaan Makkah kerana merasa bahawa beliau dapat menerima Islam dengan baik.
2. Orang bukan Islam yang ditakuti kejahatannya boleh mengancam

keselamatan orang Islam. Golongan ini dimasukkan di dalam kelompok orang yang menerima zakat dengan harapan mencegah kejahatannya.

3. Orang yang baru masuk Islam. Mereka perlu diberi layanan yang baik agar bertambah mantap keyakinan mereka kepada Islam. Mereka termasuk di dalam pemberian zakat kerana mereka adalah golongan yang terpaksa meninggalkan segala kepentingan.
4. Mereka yang telah memeluk Islam tetapi mempunyai kawan yang setaraf dengannya yang masih kafir. Pemberian diharapkan dapat menarik teman-temannya memeluk Islam.
5. Pimpinan dan tokoh orang-orang Islam yang berpengaruh di kalangan kaumnya akan tetapi imannya masih lemah. Pemberian diharapkan dapat menguatkan imannya untuk dijadikan contoh kepada kaumnya yang masih kafir.
6. Orang-orang Islam yang tinggal di sempadan-sempadan dan di daerah perbatasan musuh juga layak menerima zakat di dalam *asnāf mu'allaf*. Pemberian zakat adalah untuk mempertahankan diri mereka dan dapat membela orang-orang Islam lainnya yang tinggal jauh dan serbuhan musuh.
7. Orang Islam yang diharapkan dengan melalui perantaraannya dapat menarik orang lain yang tidak mengeluarkan zakatnya. Pemberian diharapkan dapat melembutkan hati mereka.

Sementara di dalam konteks Malaysia pula, *mu'allaf* menurut fatwa negeri Selangor dan bersamaan dengan negeri-negeri

lain ialah seorang yang baru masuk Islam dan imannya masih lemah, dengan peruntukkan itu diharapkan boleh menguatkan keimanannya. Termasuk juga seorang yang masuk Islam tetapi imannya telah kuat dan dipandang mulia oleh kaumnya. Dengan harapan daripada pemberian itu akan dapat menarik minat minat orang lain memeluk Islam. Bentuk agihan dana zakat yang mereka terima adalah berbentuk bantuan wang tunai, alat keperluan, membayar bil air dan bayaran kos mengadakan majlis perayaan.<sup>60</sup>

#### 8. *Ibn Sabil* (Orang yang bermusafir)

Kalimah *Ibn Sabil* merupakan kinayah bagi orang musafir. Orang yang bermusafir ialah merujuk kepada orang Islam yang kehabisan belanja dalam perjalanan atau orang Islam yang hendak memulakan perjalanan, sedangkan mereka tidak mempunyai belanja.<sup>61</sup> Walau bagaimanapun, *aṣnāf* ini disyaratkan memenuhi syarat berikut iaitu mengembara dari tempat tinggal dan pengembaraan yang diharuskan oleh *syār’*<sup>c</sup> dan bukannya bertujuan maksiat.<sup>62</sup> Kemudahan yang diberikan kepada *aṣnāf* ini ialah bantuan kerana hendak memulakan perjalanan dan bantuan kepada orang yang keputusan perbelanjaan dalam perjalanan sama ada dalam bentuk wang tunai atau bekalan seperti makanan atau pakaian.

Pada umumnya apa yang dilaksanakan di negeri-negeri Semenanjung atau di Sabah dan Sarawak adalah sama di mana

penafsiran yang dilakukan hampir bersamaan di antara satu negeri dengan negeri yang lain. Misalnya negeri Melaka telah mengkategorikan aktiviti agihan dana zakat itu kepada bantuan bulanan, bantuan hari raya, bantuan pakaian persekolahan, bantuan biasiswa atau pinjaman, bantuan keusahawanan, projek anak angkat, program lawatan sambil belajar untuk anak-anak fakir miskin, bantuan penyakit, bantuan bencana alam, bantuan pembaik pulih rumah, masjid, surau, madrasah dan kursus motivasi dan kecemerlangan *aṣnāf* zakat.<sup>63</sup>

#### 2.4.1 Waktu membahagikan zakat fitrah

Berkenaan dengan waktu pembahagian zakat fitrah, kebanyakkan ‘*ulamā*’ mengatakan bahawa pemberian tersebut hendaklah pada pagi hari raya. Ini adalah kerana kebanyakkan *hadīth* yang memerintahkan kita agar mengeluarkan fitrah sebelum pergi ke masjid, mengatakan bahawa waktu membahagikan zakat fitrah kepada fakir miskin itu sebelum sembahyang hari raya. Dalam pada itu, jika pembahagian sebelum sembahyang menyusahkan badan pentadbiran zakat, maka bolehlah dibahagikan sesudah sembahyang asalkan hak itu dapat disampaikan kepada orang yang berhak sebelum hari raya berlalu jauh.<sup>64</sup>

#### 2.4.2 Keutamaan pembahagian mengikut pandangan ‘*ulamā*’ *fiqh*

Untuk mencapai keutamaan dalam membayar zakat fitrah itu, maka

berikanlah dulu kepada fakir miskin di antara keluarga yang lebih dekat kemudian barulah kepada fakir miskin yang lain. Dalam hal ini, *Ibn Ruslan* mengatakan bahawa para ‘*ulamā*’ telah bersepakat mengatakan bahawa zakat fitrah itu di bahagikan kepada *fuqahā’ muslimin* berdasarkan sabda Nabi s.a.w yang bermaksud “*cukupkanlah keperluan mereka*”<sup>65</sup>

Begitu juga hendaklah diutamakan dahulu keluarga atau kaum kerabat yang lebih dekat yang termasuk di dalam golongan yang lapan. Perlu dipersoalkan apakah zakat fitrah itu hanya diberikan kepada fakir miskin sahaja atau kepada semua lapan golongan ? Dalam permasalahan ini para ‘*ulamā*’ telah berselisih pendapat. Secara umumnya terdapat tiga pendapat utama :<sup>66</sup>

- (1) Pendapat yang mewajibkan pembahagian kepada lapan *aṣnāf* secara sama rata. Ini adalah pendapat yang popular dari golongan mazhab *Syāfi‘ī*.
- (2) Pendapat yang membolehkan pembahagian kepada *aṣnāf* yang lapan dan mengkhususkannya kepada fakir. Ini adalah pendapat *jumhūr*, kerana zakat fitrah adalah juga termasuk di dalam ayat 60 Surah al-Baqarah.
- (3) Pendapat yang mewajibkan pemberian khusus kepada orang-orang fakir sahaja. Ini adalah pendapat golongan *Mālikī*, pendapat *Imām Ahmad*, *Ibn Qayyim* dan *Ibn Taimiyyah*. Pandangan ini juga dipegang oleh

*Imām Hādī, Qāsim dan Abū Tālib* yang mana mereka mengatakan bahawa zakat fitrah itu hanyalah diberikan kepada fakir miskin sahaja berdasarkan kepada *hadīth* yang bermaksud “*Zakat fitrah itu adalah untuk memberi makanan kepada orang-orang miskin*”<sup>67</sup>.

Perlu dinyatakan di sini juga bahawa syarat-syarat yang berhubung dengan penerima zakat tersebut ialah :<sup>68</sup>

- a) Hendaklah termasuk dalam golongan fakir miskin yang tidak mempunyai makanan yang melebihi keperluannya dan keperluan keluarganya pada hari raya.
- b) Hendaklah ia termasuk dalam salah satu dari lapan golongan yang dinyatakan di dalam *al-Qur'an* iaitu ayat 6, surah al-Taubah. Lapan golongan tersebut ialah fakir miskin, para pengurus, para *mu'allaf* (saudara baru), untuk memerdekaan hamba, orang-orang yang ber hutang, golongan *fi sabillillāh* dan orang musafir.
- c) Hendaklah ia tidak termasuk dalam golongan yang wajib atas pemberi zakat itu untuk menyara hidupnya seperti ibu bapa, anak-anak dan kaum kerabat yang terdekat.

#### 2.4.3 Orang yang tidak berhak menerima zakat

Selagi zakat fitrah itu diklasifikasikan sebagai suatu sedekah yang

wajib, maka ia tidak boleh dikeluarkan kepada orang-orang yang ditegah daripada menerima zakat harta. Golongan tersebut ialah keturunan *Hāsyim* dan *‘Abd al-Muṭallib*, orang kafir yang menentang Islam, hamba, orang yang kaya dengan harta benda atau usaha, penggangur yang mampu berusaha tetapi tidak berusaha dan orang yang dalam tanggungan orang lain.<sup>69</sup>

Sementara itu, antara dalil yang menunjukkan ketidakharusan pemberian zakat kepada *Banī Hāsyim* dan *Banī ‘Abd al-Muṭallib* ialah berdasarkan sabda Nabi s.a.w :<sup>70</sup>

إِن الصَّدْقَةَ لَا تَحْلُ لِأَلْ مُحَمَّدٍ إِنَّمَا هِيَ أُوسَاخُ النَّاسِ

“Sesungguhnya sedekah (zakat adalah kotoran manusia), tidak halal untuk Muhammad dan keturunan Muhammad.”

Seterusnya diceritakan di dalam kitab *Majma‘ al-Zawā’id wa Manba‘ al-Fawā’id* bahawa Nabi s.a.w pernah mengambil kurma hasil zakat daripada mulut cucunya Hassan untuk menunjukkan bahawa zakat bukanlah untuk keturunan Nabi *Muhammad* s.a.w.<sup>71</sup>

فَأَدْخِلَ النَّبِيُّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ أَصْبَعَهُ فِي الصَّبِيِّ فَانْتَزَعَ التَّمْرُ  
فَقَذَفَ

بَمَا ثُمَّ قَالَ إِنَّا أَلْ مُحَمَّدٌ لَا تَحْلُ لَنَا الصَّدْقَةُ

Yang bermaksud:

“ Maka Nabi s.a.w memasukkan jarinya ke dalam mulut Hassan maka terkeluarlah buah kurma dan membuangnya seraya berkata kita adalah keluarga Muhammad, sedekah tidak halal bagi kita.

## 2.5 Kesimpulan

Kesimpulannya ialah zakat fitrah itu hendaklah dibahagikan kepada semua *aṣnāf* yang disebutkan di dalam *al-Qur'ān* tanpa mengkhususkan kepada salah satu daripadanya. Penulis merasakan perkara tersebut perlu kepada kecekapan pihak pentadbiran zakat untuk menentukannya agar pihak berkenaan mendapat bahagiannya secara adil dan saksama. Ia juga dapat mengelakkan dana zakat diagihkan kepada golongan yang tidak berhak menerimanya. Kajian yang terperinci dan teliti haruslah diambil dan dijalankan sebelum sesuatu dana zakat itu dibahagi-bahagikan kepada golongan Sasaran. Sementara itu, pandangan para *fuqahā'* yang pelbagai haruslah dijadikan panduan untuk meningkatkan lagi tahap keefisyenian dalam pungutan dan pengagihan zakat fitrah mengikut kesesuaian semasa.

## NOTA HUJUNG

<sup>1</sup> Penggunaan perkataan ‘pungutan’ adalah merujuk kepada perspektif pihak Baitulmal manakala perkataan ‘pengeluaran’ ditinjau daripada pihak pengeluar zakat. Namun begitu penulis cenderung untuk menggunakan istilah pungutan untuk mengaitkannya tentang tajuk Sistem Pungutan Zakat Fitrah dan ianya sudah pasti melibatkan proses pengeluaran zakat.

<sup>2</sup> Al-Bukhārī, Muhammad bin Ismā'īl Abū Ḥabd Allāh (194-256), *Al-Jāmi' al-Ṣaḥīḥ al-Mukhtaṣar*, Juz. 2, Cet.3, Dār Ibn Kathir, Al-Yamāmah, 1987, hal: 548. Sila lihaturaian oleh Al-Syaukānī , Muhammad bin 'Ali, *Nail al-Aufār Syarḥ Muntaq al-Akhbār*, Juz.2, Maktabah Dār al-Turāth,t.t. hal : 249

<sup>3</sup> keju atau susu masam yang telah dibekukan untuk tujuan memasak atau lain-lain. Boleh rujuk Ibrāhīm (Dr.), Ḥabd al-Halim al-Muntasir (Dr.), Ḥatiyyah al-Šuālimī, Muhammad Khalf Allāh Ahmad, *Mu'jam al-Waṣīf*, Juz.1, Cet. 2, Kaherah, 1972M/1392H, hal: 22

<sup>4</sup> kismis atau buah anggur atau buah tin yang dikeringkan. Boleh rujuk Al-Imām al-Allāmah Abī Fadhl Jamāl al-Dīn Muḥammad bin Mukarram Ibn Manzūr al-Afrīqī al-Miṣrī, *Lisān al-Ārab*, Jil. 1, Dār Beirut :Beirut, 1967M/1388H, hal: 445

<sup>5</sup> sejenis *syā'īr*, tiada berkultit dan menyerupai gandum tetapi besar sedikit daripadanya. Ianya boleh diproses untuk dijadikan roti dan warnanya akan menjadi kekuningan. Biasanya ditanam di negara yang beriklim sejuk seperti di Eropah. Roti yang diperbuat daripada *sult* sangat sedap bila diproses bersama gandum.

<sup>6</sup> Sejenis tumbuhan dari jenis ‘*najliyat*’, bijinya kecil boleh dijadikan makanan kepada burung dan ayam. Terdapat di Semenanjung tanah Arab, sesuai ditanam di kawasan Khatulistiwa.

<sup>7</sup> Al-Dasūqī, Muhammad bin Aḥmad, *Hāsiyyah al-Dasūqī 'ala Syarḥ al-Kabīr*, Jil. 1 Maktabah Zahrān, t.t. hal : 505

<sup>8</sup> Al-Nawawi al-Dimasyqiyy, al-Imām Abū Zakariyya Yaḥya bin Syaraf, *Rauḍah al-Tālibīn*, Jil. 2, Dār al-Kutub al-Ilmiyyah: Beirut, hal: 161-166. Lihat juga Lalu Khidir, *Zakat dan Masyarakat Pembangunan*, Pustaka Nasional : Singapura, 1981, hal: 31-32

<sup>9</sup> Ibn Qudāmah , Al-Syeikh al-Imām Muwāfiq al-Dīn Abī Muḥammad Ḥabdullah b. Aḥmad, *Al-Mughnī wa al-Ṣyārḥ al-Kabīr*, Juz.2, Dar al-Fikr: Beirut, 1984M/1404H, hal. : 659,660 dan 661, lihat juga Syeikh Faisal Maulawi , *Tafsīr Fiqh al-İbādāt*, Cet. 1, Al-Mu'assasah al-Islāmiyyah : Beirut 1985, hal. 205-206

<sup>10</sup> Ḥabdullah Nāsiḥ Ḩulwān, *Hukum Zakat Dalam Pandangan Empat Mazhab*, Terj. Hafidhuddin, (Drs.), Pustaka Nasional: Singapura 1985, hal : 67

<sup>11</sup> al-Syāfi'i, Idris bin Ahmad , *Fiqh al-Syāfi'i*, Jil. 1, Pustaka Antara : Kuala Lumpur, hal : 452

<sup>12</sup> Sayyid Sābiq , *Fiqh al-Sunnah* , Jil. 1, Dar al-fikr : Beirut,1989, hal : 349

<sup>13</sup> Wahairi Mahmud . *Zakat, peranananya dalam penyuburan harta*, Pustaka Al-Mīzān : Kuala Lumpur, hal : 23

<sup>14</sup> Rujuk Muhammad bin Hibbān b. Ahmad Abū Ḥātim, *Ṣaḥīḥ Ibn Ḥibbān Bī Tartīb Ibn Balbān*, Juz. 8, Mu'assasah al-Risālah : Beirut, 1993, hal: 96

<sup>15</sup> Ibn Qudāmah, *op.cit.*, hal: , al-Qaradāwī, Yūsuf, (Dr.), *Hukum Zakat*, Terj. Salman Harun (Drs.), Didin Hafidhuddin (Drs.), Hasanuddin (Drs.), Pustaka Nasional Pte. Ltd : Singapura, 1988, hal : 951

<sup>16</sup> Al-Sijastānī, Sulaimān bin al-Asy'as Abū Dāud (202-275), *Sunan Abū Dāud*, Juz.2, Dār al-Fikr, t.t., hal : 114

<sup>17</sup> Al-Nasā'i, Ahmad b. Syu'aib Abū Ḥabd Rahmān (215-303), *Al-Mujtaba Min al-Sunan*, Juz. 5, Cet. 2, Maktab al-Maṭbū'āt al-Islāmiyyah: Hilb, 1987, hal: 50

<sup>18</sup> Ibid, hal :

<sup>19</sup> Al-Qur'an , Al-Baqarah 184

<sup>20</sup> Ibn Ḥazm, Abū Muḥammad 'Alī bin Aḥmad bin Sa'īd bin Hazm, *Muḥallā*, Jil. 6, Dār al-Jīl wa Dār al-Āfiq al-Jadidah: Beirut, t.t., hal: 137,Rujuk juga ibid, Dār al-Turāth: Kaherah, 1185H dan Ibid, Dār al-Fikr

<sup>21</sup> Al-Nawawi , Abū Zakariyyā , *Al-Majmū' Syarḥ al-Muhadhhab* , Juz. 6, Al-Nāsyir Maktabah al-Irsyād : Jeddah, t.t. hal : 81

<sup>22</sup> Ibn Qudāmah , Abū Muḥammad , *op.cit.*, hal : 65

<sup>23</sup> Al-Qaradāwī , Yūsuf (Dr.), *Fiqh al-Zakāh Muqāranah Li Aḥkamihā wa Falsafatihā fī Dhau' al-Qur'an wa al-Sunnah* , Jil. 2, Maktabah Wahbah: Beirut, 1994M/1414H, hal : 952, lihat juga Ibn 'Abidin , Muḥammad Amin, *Hāsiyyah Rad al-Mukhtār* , Juz. 2, Al-Syarīkah Maktabah wa Maṭba'ah Muṣṭafā al-Bābī al-Ḥalabī : Mesir, t.t. hal : 83

- <sup>24</sup> Al-San<sup>cānī</sup>, Muhammad bin Ismā<sup>cīl</sup>, *Subul al-Salām Syarḥ Bulugh al-Marām*, Juz. 1, Dār al-Jail : Beirut, 1980, hal : 620
- <sup>25</sup> Al-<sup>c</sup>Asqalani, Muhammad bin <sup>c</sup>Ali bin Hajar, *Al-Dirāyah Fī Takhrīj Aḥādīth al-Hidāyah*, Juz. 1, Dār al-Matbū<sup>cāt</sup>: Beirut, t.t., hal: 274. Untuk huraiān sila lihat Al-Syāfi<sup>cī</sup>, Idris bin Ahmad, *op.cit.*, hal : 455
- <sup>26</sup> Al-Qaraḍāwī , Yūsuf , (Dr.),*op.cit.*, hal : 952, lihat juga Ibn Qudāmah , Abū Muhammad, *op.cit*, hal : 67-68
- <sup>27</sup> Al-Syaukāni, Muhammad bin <sup>c</sup>Ali , *Nayl al-Auṣfār Syarḥ Muntaq al-Akkhār*, Juz. 4, Maktabah Dār al-Turāth, t.t. hal : 106
- <sup>28</sup> Al-Baihāqī Ahmad bin al-Hussain bin <sup>c</sup>Ali bin Müṣā Abū Bakar, *Sunan al-Baihāqī al-Kubrā*, Juz.4 Maktabah Dār al-Bāz: Makkah, 1994, hal: 162. Untuk huraiān sila lihat Ibn Qudāmah, *op.cit.*, hal : 66
- <sup>29</sup> Kāmil Müṣā (Dr.) , *Aḥkām al-`Ibādāt , Mu'assasāt al-Risālat* : Beirut, 1988 , hal : 357
- <sup>30</sup> Al-Syaukāni<sup>cānī</sup>, Muhammad bin <sup>c</sup>Ali , *op.cit.*, Jil. 4, hal : 195
- <sup>31</sup> Ibn Hazm , *op.cit.*, hal : 143
- <sup>32</sup> Al-<sup>c</sup>Asqalani , Muhammad bin <sup>c</sup>Ali bin Hajar, *Fatḥ al-Bārī Syarḥ Ṣaḥīḥ Bukhārī*, Jil. 3, Dār al-Ma<sup>c</sup>rifah: Beirut, 1986, hal : 297
- <sup>33</sup> Al-Bukhārī , *op.cit.*, hal: 549, lihat juga Al-Daṣūqī , Muhammad bin Ahmād , *op.cit*, hal : 508
- <sup>34</sup> Ibn Qudāmah , *op.cit.*, hal : 68-69, lihat juga <sup>c</sup>Alā' al-Dīn al-Samraqandī, *Tuhfāt al-Fuqahā'*, Jil. 2 , , Dār al-Kitāb al-<sup>c</sup>Ilmiyyah: Beirut 1984, hal: 339
- <sup>35</sup> Lihat nota rujukan 77
- <sup>36</sup> Al-Qaraḍāwī , Yūsuf (Dr.), *op.cit.*, hal : 955, lihat juga T.M. Hasb al-Ṣiddiqi, *Pedoman Zakat*, Thinkers Library Malaysia , hal : 236
- <sup>37</sup> Al-<sup>c</sup>Asqalani , *Al-Dirāyah Fī Takhrīj Aḥādīth al-Hidāyah*, hal: 274. Lihat juga Al-Syaukāni , Muhammad bin <sup>c</sup>Ali , *op.cit.*, hal : 249
- <sup>38</sup> Al-Qur'<sup>cānī</sup> , *Surah at-Taubah* : 60
- <sup>39</sup> Al-<sup>c</sup>Asqalani , Muhammad bin <sup>c</sup>Ali bin Hajar, *Fatḥ al-Bārī*, Dar al-Fikr, 2000, hal: 125
- <sup>40</sup> Ibid , hal : 868; Boleh rujuk juga di dalam kertas kerja oleh Dr. Hassan bin Bahrom bertajuk "Perspektif fatwa dan Undang-undang dalam Agihan Zakat" dalam *Seminar Profesionalisme Dalam Pengurusan Agihan Zakat* anjuran JPP UiTM Melaka dengan kerjasama Masjid al-Hikmah UiTM pada 13hb September 2001 di UiTM Melaka.
- <sup>41</sup> Al-Zuhailī, Wahbah, *al-Fiqh al-Islāmī wa Adillatuhu*, Dār al-Fikr, 1984, hal: 867
- <sup>42</sup> Ibid.
- <sup>43</sup> Ibid.
- <sup>44</sup> Sayed Sābiq, *Fiqh al-Sunnah*, Jil. 1, Dār al-fikr : Beirut,1989, hal : 104
- <sup>45</sup> Al-Qaraḍāwī , Yūsuf, (Dr.), *Fiqh al-Zakāh*, Maktabah Wahbah, 1994M/1414H, hal: 584-588
- <sup>46</sup> Al-<sup>c</sup>Asqalani , *Al-Dirāyah Fī Takhrīj Aḥādīth*, *op.cit.*, hal: 266
- <sup>47</sup> Seperti yang dicatat dalam Hassan b. Bahrom. (Dr.), "Perspektif Fatwa Dan Undang-Undang Dalam Agihan Zakat" dalam *Seminar Profesionalisme Dalam Pengurusan Agihan Zakat*, Uitm Cawangan Melaka, hal: 11
- <sup>48</sup> Al-Qaraḍāwī , Yūsuf, (Dr.), *op.cit.*, hal: 584-588
- <sup>49</sup> Seperti yang dicatat dalam Hassan b. Bahrom. (Dr.), *op.cit.*, hal: 11 dan 12
- <sup>50</sup> Al-Qaraḍāwī , Yūsuf, (Dr.), *op.cit.*, hal: 626
- <sup>51</sup> *Ibid.*, hal: 628 dan 629
- <sup>52</sup> *Ibid.*, hal: 658
- <sup>53</sup> *Ibid.*, hal: 665-670
- <sup>54</sup> *Ibid.*, hal: 666-675
- <sup>55</sup> *Ibid.*, hal: 667-677
- <sup>56</sup> Seperti yang dicatat dalam Hassan b. Bahrom. (Dr.), *op.cit.*, hal: 12
- <sup>57</sup> *Ibid.*
- <sup>58</sup> Al-Qaraḍāwī , Yūsuf, (Dr.), *op.cit.*, hal: 232
- <sup>59</sup> *Ibid.*
- <sup>60</sup> Seperti yang dicatat dalam Hassan b. Bahrom. (Dr.), *op.cit.*, hal: 12
- <sup>61</sup> *Ibid*, hal: 715
- <sup>62</sup> *Ibid*, hal: 722-724
- <sup>63</sup> Seperti yang dicatat dalam Hassan b. Bahrom. (Dr.), *op.cit.*, hal: 12 dan 13
- <sup>64</sup> Al-Jazīr<sup>cānī</sup> , <sup>c</sup>Abd al-Rahmān, *Kitāb al-Fiqh `alā al-Madhbāh al-Arba'ah*, Jil. 1, Dār al-Kutub al-<sup>c</sup>Ilmiyyah: Beirut, hal:567-570

---

<sup>65</sup> Al-Syāfi'i<sup>67</sup>, Idris bin Ahmad , *op.cit.*, hal : 45, lihat juga Ibn Rusyd, *Bidāyah al-Mujtahid*, Jil.1, Al-Kuliyyah al-Azhariyyah : Kaherah, 1969, hal:73

<sup>66</sup> Al-Nawawī , Abū Zakariyyā, *op.cit.*, hal : 44

<sup>67</sup> Al-Qaradāwī , Yūsuf. (Dr.), *op.cit.*, hal : 964-965, lihat juga Said Hawa, *Fardhu 'Ain, Fardhu Kifayah, Zakat dan Permasalahannya*, Terj. Asad Awang, Pustaka Salam :Kuala Lumpur, 1989, hal: 101-102

<sup>68</sup> Abdul Hayei bin Abdul Syukor (Dr.) , "Zakat fitrah, satu kewajipan terhadap golongan miskin", *Utusan Malaysia*, 27 Mac 1991.

<sup>69</sup> Al-Qarađāwī , Yūsuf (Dr.), *op.cit.*, hal : 966 dan juga al-Syāfi'i<sup>67</sup>, Idris Aḥmad, *op.cit.*, hal : 468 - 470

<sup>70</sup> Al-Qurtubī , Muḥammad bin Aḥmad bin Abū Bakr bin Farah, *Al-Jāmi' Li Aḥkām al-Qur'ān*, Juz. 8, Cet. 2, Dār al-Sya'b: Kaherah, 1372H, hal: 11

<sup>71</sup> Al-Haytamī , 'Alī bin Abū Bakr, *Majma' al-Zawā'id Wa Manba' al-Fawā'id*, Juz. 3, Dār al-Rayyān Li al-Turāth, Dār al-Kitāb al-'Arbimadinati al-Nasyr, 1407H, hal: 89